

SEJARAH PENTADBIRAN JABATAN PERDANA MENTERI

DARI TAHUN 1997 hingga TAHUN 2006

1 Januari 1997	<p>Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan September 1996 telah bersetuju BAHEIS dinaikkan taraf menjadi sebuah jabatan penuh dengan nama barunya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri atau ringkasnya Jakim berkuatkuasa mulai 1 Januari 1997.</p> <p>Pada tahun 1968, Persidangan Majlis Raja-Raja Malaysia telah bersetuju menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Barat (MKI). YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai pengerusi Majlis tersebut.</p> <p>Majlis ini kemudiannya dinaiktaraf kepada sebuah bahagian di Jabatan Perdana Menteri dan diberi nama Bahagian Agama pada 1 Februari 1974.</p> <p>Bahagian Agama kemudiannya dinaikkan taraf sekali lagi menjadi Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), JPM pada 21 Mei 1985. Fungsi BAHEIS adalah untuk melaksanakan salah satu program di bawah Jabatan Perdana Menteri, iaitu pentadbiran hal ehwal Islam.</p>
1 Oktober 1998	<p>Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan beroperasi pada 1 Oktober 1998 selepas diasingkan daripada struktur Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Tugas utama Pejabat ini adalah menjadi Penasihat kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong dan kerajaan dalam perkara-perkara kefahaman Islam meliputi semua aspek termasuk akidah, syariah, ibadah, sosial, ekonomi, kewangan dan isu-isu semasa.</p>
9 Sept. 1999	<p>Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia berdasarkan Akta 597 dan diletakkan di bawah JPM.</p>
2001	<p>Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) diletakkan di bawah pengurusan Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa.</p>

<p>4 Mac 2004</p>	<p>Institut Integriti Malaysia (IIM) merupakan institut yang ditubuhkan berdasarkan idea YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi pada 5 November 2003 dan telah berkuatkuasa pada 4 Mac 2004 bertujuan melengkapkan usaha-usaha pelaksanaan Pelan Integriti Nasional.</p>
<p>27 Mac 2004</p>	<p>Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ditubuhkan oleh YAB Datuk Seri Abdullah Hj, Ahmad Badawi , Perdana Menteri semasa mengumumkan kabinet Kerajaan Malaysia dan diletakkan di bawah penyeliaan YB Dato' Dr. Abdullah Bin Md. Zain, Menteri di JPM selaku Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal Islam.</p>
<p>Jun 2004</p>	<p>Sebelum ini Unit Seranta FELDA ditubuhkan pada bulan Mei 1981 dan diletakkan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.</p> <p>Pada Jun 2004, Unit Seranta dipindahkan ke JPM apabila FELDA diletakkan di bawah tanggungjawab YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.</p>
<p>April 2004</p>	<p>FELDA diletakkan di bawah JPM dan Menteri yang bertanggungjawab ke atas FELDA ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.</p> <p>Sebelum ini, FELDA atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah (Land Development Ordinance) 1956.</p>
<p>April 2004</p>	<p>Unit Kawal Selia FELDA ditubuhkan pada 30 Jun 2004 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2004. Unit ini di bawah tanggungjawab Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.</p>
<p>5 Februari 2005</p>	<p>Kerajaan telah menubuhkan sebuah 'Sekretariat' di JPM yang bertanggungjawab kepada YAB Timbalan Perdana Menteri dalam urusan berkaitan dengan penguatkuasaan maritim dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah ditubuhkan.</p>

<p>1 Mac 2006</p>	<p>Bagi meneruskan kesinambungan tugas TIM Nukleas APMM yang dibubarkan pada 30 November 2005 dan untuk membantu APMM, Bahagian Kawal Selia Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Mac 2006.</p> <p>Pada 28 Jun 2006, nama Bahagian Kawal Selia Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia diubah kepada Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia.</p>
-----------------------	--